



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 25 Julai 2025

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 14 TAHUN 2025**

**PEMATUHAN TERHADAP AKTA BADAN-BADAN BERKANUN
(TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 (AKTA 605)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pegawai dan Pehidmat LGM adalah diingatkan untuk sentiasa menghayati dan mematuhi tatakelakuan yang ditetapkan dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

3. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) menetapkan tanggungjawab dan tatakelakuan Pegawai dan Pehidmat LGM. Berikut adalah penekanan terhadap aspek utama yang **WAJIB** dipatuhi iaitu:

i. Taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan

Setiap Pegawai dan Pehidmat LGM hendaklah menunjukkan kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara, kepada Malaysia sebagai negara berdaulat, serta kepada Kerajaan.

ii. Aku janji

Semua Pegawai dan Pehidmat LGM telah menandatangani Surat Aku Janji sebagaimana diperuntukkan dalam Prosedur Pelantikan Pegawai Lembaga Getah (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2022. Aku janji ini adalah satu komitmen bertulis untuk mematuhi peraturan dan arahan Kerajaan sepanjang tempoh perkhidmatan.

iii. Larangan membuat pernyataan awam tanpa kebenaran

Pegawai dan pehidmat LGM dilarang membuat kenyataan awam seperti menyebarkan maklumat palsu, berunsur fitnah, provokasi atau tidak disahkan kebenarannya, menerbitkan artikel, atau menyebarkan maklumat secara lisan atau bertulis, termasuk di media sosial, berkaitan dengan dasar Kerajaan, maklumat dalaman LGM atau isu-isu yang menimbulkan keraguan atau persepsi negatif terhadap kewibawaan Kerajaan dan LGM. Sebarang kenyataan awam yang positif hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis daripada Menteri.

iv. Larangan penglibatan dalam aktiviti politik

Pegawai dan Pekhidmat LGM hendaklah mengekalkan kedudukan berkecuali dalam mana-mana parti politik termasuk memakai lambang, memegang jawatan politik atau menjalankan kempen, kecuali dengan kebenaran khas dalam perkara-perkara tertentu.

Pegawai dan Pekhidmat LGM seharusnya bersifat profesional, adil dan tidak berpihak selaras dengan prinsip '*neutrality*' dan '*impartiality*' untuk keyakinan rakyat kepada perkhidmatan LGM.

4. Mana-mana pelanggaran terhadap tatakelakuan boleh dikenakan tindakan tatatertib dan boleh dikenakan hukuman amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat atau buang kerja bergantung kepada tahap keseriusan kesalahan tatakelakuan berkenaan.

5. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Surat Edaran bernombor rujukan JPA.100-1/4/2(40) pada 23 Julai 2025 berhubung pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan Tatakelakuan yang berkuat kuasa.

6. Semua pegawai dan pekhidmat dikehendaki memberi perhatian dan mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(EMILIA BINTI KASSIM)